

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN  
ABDUL AZIZ [ RAUB ]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 JUN 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan  
:-

- (a) berapakah keuntungan yang diperoleh oleh TNB dalam masa 3 tahun kebelakangan ini ; dan
- (b) bagaimana tarif elektrik dinaikkan atas alasan memastikan supaya TNB kekal untung.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jumlah keuntungan selepas cukai yang diperolehi oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh 3 tahun kewangan kebelakangan ini adalah sebanyak RM 578 juta pada tahun kewangan 2011, RM 3.33 bilion pada tahun kewangan 2012 dan RM4.58 bilion pada tahun kewangan 2013. TNB mencatatkan keuntungan bersih yang meningkat sejak 3 tahun kewangan kebelakangan ini oleh kerana faktor permintaan tenaga yang kukuh, penurunan kos penjanaan dibantu harga arang batu yang lebih rendah dan ini telah membantu kepada pengukuhan prestasi kewangan.

2. Pada tahun kewangan 2012, prestasi kewangan TNB agak baik dan keuntungan meningkat mendadak dari tahun sebelumnya disebabkan oleh penerimaan pampasan kos bahan api alternatif sebanyak RM1.68 bilion daripada PETRONAS dan Kerajaan yang mana berpunca daripada kekurangan bekalan gas sebelum ini. Pampasan yang diperolehi TNB tersebut adalah selaras dengan mekanisme

perkongsian kos yang dikongsi bersama-sama dengan PETRONAS dan Kerajaan pada tahun 2010 berikutan kekurangan bekalan gas asli daripada syarikat minyak nasional bagi penjanaan tenaga elektrik.

3. Semakan tarif yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014 sebahagian besarnya adalah disebabkan semakan semula harga bahan api iaitu gas domestik daripada RM13.70/MMBtu kepada RM15.20/MMBtu, harga arang batu daripada USD85/tan kepada USD87.5/tan serta penggunaan gas asli cecair (LNG) yang diimport pada harga pasaran iaitu RM41.68/MMBtu. Komponen bahan api ini telah menyumbang kepada kenaikan tarif sebanyak 4.09 sen/kWj atau 82% daripada kenaikan tarif keseluruhan sebanyak 4.99sen/kWj. Sebarang perubahan harga bahan api ini sudah tentu akan memberi kesan yang signifikan kepada kos membekalkan elektrik.

4. Komponen lain yang terlibat dalam kenaikan tarif ialah semakan tarif asas TNB iaitu sebanyak 18% atau 0.90sen/kWj daripada kenaikan tarif keseluruhan. Semakan tarif asas ini disemak setiap 4 tahun bagi memastikan pihak utiliti memperolehi pulangan yang munasabah agar dapat terus membekalkan elektrik yang berkualiti dan berdaya harap.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

5. Walau pun pihak TNB memperolehi keuntungan setiap tahun, namun begitu, jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk menampung kos pelaburan bagi membiayai projek-projek penjanaaan yang baru serta projek-projek penghantaran dan pengagihan yang dianggarkan sekitar RM 6 - 7 bilion. Pihak TNB perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan mengekalkan daya saing syarikat untuk memperolehi pembiayaan daripada pasaran kewangan bagi pelaksanaan projek-projek pembekalan elektrik di masa hadapan.

\*\*\*\*\*